

FAKTOR-FAKTOR PENDORONG PEMILIHAN KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN OLEH PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

DETERMINANTS OF CAREER CHOICE AS ENTREPRENEUR AMONG STUDENTS OF MALYSIAN INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING

Samihah Saad Haji Ismail¹
Zahari Mohamed²

¹Samihah Saad Haji Ismail, Prof. Madya, pensyarah perakaunan dan keusahawanan di Fakulti Perakaunan Universiti Utara Malaysia.

²Zahari Mohamed, Pensyarah Kanan, pensyarah pemasaran dan keusahawanan di Fakulti Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Article history

Received date : 12-12-2020

Revised date : 13-12-2020

Accepted date : 8-12-2021

Published date : 16-12-2021

To cite this document:

Ismail, S. S., & Mohamed, Z. (2021). Faktor-Faktor Pendorong Pemilihan Kerjaya Sebagai Usahawan Oleh Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(13), 19 - 38.

Abstract: *Pelajar cemerlang lazimnya merancang masa hadapan mereka secara bijak. Kebiasaannya, mereka telah menyemai satu cita-cita sejak dibangku sekolah rendah lagi untuk memilih kerjaya tertentu. Pasti setiap pelajar institusi pengajian tinggi telah menyemat dihati mereka satu bidang kerjaya untuk dipilih selepas menamatkan pengajian. Kajian ini dilaksanakan bagi memperinci faktor-faktor yang mendorong mahawiswa untuk menyahut aspirasi kerajaan Malaysia yang mahu melihat lebih ramai lagi bakal graduan memilih kerjaya sebagai usahawan, iaitu rakyat Malaysia yang bakal mencipta peluang-peluang pekerjaan dan bukannya pencari-pencari pekerjaan. Kajian telah dilaksanakan di kalangan 172 pelajar di institusi pengajian tinggi di daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, iaitu merangkumi pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia, Politeknik Muadzam Shah, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara dan Institut Kemahiran Mara Kubang Pasu menerusi pengedaran borang soal selidik 74 item pengukuran. Dapatan kajian telah menyenaraikan beberapa faktor pendorong pemilihan kerjaya sebagai usahawan oleh pelajar yang antaranya seperti minat, sikap, motivasi, pengaruh keluarga, kursus pengajian serta sokongan sosial institusi pengajian dan kerajaan.*

Kata kunci: *Keusahawanan, keusahawanan pelajar, ciri-ciri usahawan, kecenderungan keusahawanan, pembudayaan keusahawanan.*

Abstract: *Excellent students typically plan their future wisely. Usually, they have an ambition since primary school to choose a certain career. Certainly, every student of higher learning institutions has pinned in their minds a career field to choose after graduation. This study was conducted to examine the factors that motivate students to respond to the aspirations of the Malaysian government which wants to see more graduates choose careers as entrepreneurs or job creator and not job seekers. The study was conducted among 172 students in institutions of*

higher learning in the district of Kubang Pasu, Kedah Darul Aman, included students from Universiti Utara Malaysia, Politeknik Muadzam Shah, Akademi Binaan Wilayah Utara, and Institut Kemahiran Mara Kubang Pasu through the distribution of questionnaires 74 items. The findings of the study have identified several factors that drive the choice of career as an entrepreneur among students such as interest, attitude, motivation, family influence, academic programme, and social support from educational institutions and the government.

Keywords: *Entrepreneurship, student entrepreneurship, entrepreneur characteristics, entrepreneurship tendency, entrepreneurial culture.*

Pengenalan

Sejak kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu pada 1957 dan pembentukan Malaysia pada 1963 sehingga kini, kerajaan Malaysia didapati sangat memberikan perhatian yang khusus dalam meningkatkan aktiviti perniagaan dan keusahawanan baik daripada segi program pembangunan dan latihan mahupun daripada segi peruntukan kewangan dan bantuan bukan kewangan kepada aktiviti keusahawanan. Penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan bermula daripada penubuhan Kementerian Penyelarasan Perbadanan Awam (KPPA) pada 1974 yang kemudiannya ditukarkan kepada Kementerian Perusahaan Awam (KPA) pada 1976. KPA (pada masa sekarang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan) merupakan kementerian yang menempatkan beberapa agensi awam pembangunan keusahawanan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Pada 8 Mei 1995 merupakan tahun yang amat penting dalam pembangunan keusahawanan negara apabila kerajaan Malaysia mengiktiraf sumbangan keusahawanan terhadap kemajuan negara menerusi penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan. Walaupun secara khususnya kementerian ini ditumpukan terhadap pembangunan keusahawanan umum, tetapi agenda sebenar dan penting bagi kementerian ini adalah untuk menyokong pembangunan ekonomi dan sosial negara selaras dengan Perlembagaan Malaysia, iaitu meningkatkan penyertaan Melayu dan Bumiputra dalam ekonomi dan perniagaan. Selain daripada pemantapan daripada segi organisasi pembangunan keusahawanan menerusi penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan, pengenalan program keusahawanan secara rasmi bermula di Universiti Utara Malaysia pada 2004. Bagaimanapun, usaha awal Kementerian Pendidikan Malaysia (yang kemudiannya dipecahkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi) bermula lebih awal lagi menerusi pengenalan kursus asas keusahawanan sebagai teras universiti (matapelajaran utama – MPU) semua institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk memperkukuhkan lagi dasar pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kemuncak kepada kepada aspirasi ini adalah menerusi penubuhan Universiti Malaysia Kelantan pada 2006 sebagai universiti keusahawanan telah merencanakan lagi program pembangunan keusahawanan Malaysia. UMK telah memulakan sesi pengajian pertamanya pada semester Jun 2007. Pada Julai 2019, kerajaan berusaha memperkukuh dan memperkemas program pembangunan keusahawanan di Malaysia menerusi pelancaran Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN2030). DKN2030 disasarkan bukan sahaja untuk merencanakan lagi program pembangunan keusahawanan di Malaysia tetapi juga dapat menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2025. Selain itu, DKN2030 juga turut mensasarkan agar lebih ramai pelajar dan graduan institusi pengajian tinggi di Malaysia meminati bidang keusahawanan dan seterusnya menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya. Hasrat ini diterjemah menerusi slogan melahirkan lebih ramai graduan dan lepasan institusi pengajian tinggi yang berperanan sebagai

penghasil kerjaya (*job creator*) dan bukannya pencari pekerjaan (*job seeker*) seperti yang wujud pada masa sekarang.

Latarbelakang kajian

DKN2030 dan pelbagai lagi dasar pembangunan negara serta pelbagai usaha kerajaan untuk meramaikan lagi bilangan usahawan di Malaysia membuktikan bahawa kerajaan Malaysia menyedari bahawa untuk bergerak ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang 2025, Malaysia memerlukan lebih ramai usahawan terutama dikalangan generasi muda. Kajian yang dilaksanakan oleh Wan Mohd Zaifurin, Nor Hayati, Sabri dan Ibrahim (2016) berkaitan kecenderungan pelajar sekolah di Terengganu dan kajian oleh Norasmah dan Salmah (2011) berkenaan kecenderungan pemilihan kerjaya lepasan institusi pengajian tinggi di Malaysia, mendapati bahawa kecenderungan pemilihan kerjaya oleh pelajar sangat bergantung kepada dasar dan polisi pembangunan kebangsaan terutamanya dalam membentuk bakal usahawan atau individu yang meletakkan keusahawanan sebagai cita-cita kerjaya yang utama. Pendapat ini juga selari dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh Zhao, Seibert, Scott, Hills dan Gerald (2005) yang mendapati bahawa persekitaran terutama politik (kerajaan), masyarakat dan pengaruh rakan merupakan antara faktor moderator (yang mempengaruhi) pemilihan kerjaya dan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini berhasrat memperincikan dan menyenaraikan pengaruh utama terhadap pembentukan kecenderungan pelajar terutamanya lepasan institusi pengajian tinggi untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya yang utama. Ini bermakna, hasil kajian diharapkan dapat membantu kerajaan dan institusi pengajian tinggi untuk merangka dan melaksanakan program pembangunan keusahawanan dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi terutamanya daripada segi sikap pelajar dan pembangunan kemahiran keusahawanan, iaitu antara faktor utama yang mempengaruhi kesediaan individu memilih kerjaya keusahawanan (Norashidah, Norasmah dan Noraishah, 2009). Selain itu, menurut Muhammmad Sawardi, Noor Azman, Lingaswaran dan Marina (2017), serta kajian oleh Moghimi, Van Yperen, Nico, Sense, Zacher, Scheibe (2021) telah mendapati bahawa pengalaman ketika melaksanakan aktiviti keusahawanan semasa sesi pembelajaran sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi mempunyai pengaruh yang besar dalam pemupukan budaya keusahawanan. Oleh itu, institusi pendidikan negara seharusnya memainkan peranan yang utama dalam usaha pemupukan budaya keusahawanan dalam sistem pendidikan negara, baik di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

Persoalan kajian

Sistem pendidikan negara telah membuktikan bahawa ia relevan dan penting dalam pembentukan warganegara yang progresif dan produktif dalam pelbagai bidang pekerjaan dan aktiviti ekonomi. Selain sistem pendidikan, sistem sosial, kerajaan dan faktor peribadi individu juga turut mempengaruhi pembudayaan keusahawanan di kalangan ahli masyarakat terutamanya generasi muda (Baharu & Mohammed Zain, 2013). Manakala menurut Norashidah *et. al.* (2009) serta Fernandez, Orozco, Rodriguez, Cermeno, dan Nichols (2020) pula menyatakan bahawa persekitaran positif yang diwujudkan oleh persekitaran terdekat dalam komuniti dan negara seperti sistem sosial, sistem pendidikan, kerajaan dan faktor dorongan dalaman individu terutamanya faktor sikap dan motivasi sangat mempengaruhi tahap kesediaan individu untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian berhasrat mengkaji sejauh manakah keempat-empat komponen persekitaran berkenaan memainkan peranan dalam pemupukan budaya keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama dikalangan generasi muda terutamanya dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Objektif kajian

Kajian yang telah dilaksanakan sebenarnya mensasarkan lima objektif kajian yang perlu dicapai. Bagaimanapun, artikel ini hanya memilih dua daripadanya, iaitu:

1. Mengukur pengaruh faktor demografik terhadap kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi.
2. Mengenal pasti faktor-faktor peribadi dan bukan peribadi yang mempengaruhi kecenderungan pemilihan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Kepentingan kajian

Aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan dalam bidang keusahawanan seperti yang terkandung dalam Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN2030) yang telah dilancarkan secara rasmi oleh kerajaan Malaysia pada 11 Julai 2019, iaitu satu dasar yang komprehensif untuk merencanakan lagi aktiviti keusahawanan dalam sistem ekonomi negara serta meramaikan lagi 'pencipta pekerjaan' dan bukannya 'pencari pekerjaan' dikalangan lulusan sekolah dan institusi pengajian tinggi. Oleh itu, kajian ini berhasrat menyelami aspirasi ini daripada sudut polisi dan pelaksanaan dan seterusnya menjadi sebahagian bahan rujukan kepada kerajaan dan pengurusan institusi pengajian tinggi dalam menjayakan aspirasi DKN2030 ini. Seterusnya, adalah diharapkan dapatan kajian ini juga dapat digunakan oleh agensi kerajaan dan pihak pengurusan IPT di Malaysia untuk mencetus minat atau memupuk kecenderungan pelajar meminati dan seterusnya melahirkan pelajar yang mempunyai iltizam yang tinggi untuk memilih kerjaya usahawan sebagai pilihan utama kerjaya potensi mereka selepas menamatkan pengajian. Oleh itu, adalah diharap agar pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak pengurusan institusi pengajian tinggi dapat menterjemah aspirasi DKN2030 ini dalam bentuk program latihan keusahawanan yang bersesuaian. Ketersediaan dana yang relatif besar dalam DKN2030 kepada graduan institusi pengajian tinggi seharusnya dijadikan sasaran pihak-pihak berkenaan dalam meramaikan lagi 'penghasil pekerjaan' dikalangan bakal graduan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Ulasan karya

Bahagian ini membincangkan beberapa teori dan konsep yang berkaitan keusahawanan pelajar institusi pengajian tinggi menerusi perbincangan hasil kajian dan penulisan bahan ilmiah terdahulu.

Institusi pengajian tinggi

Kajian mendasari skop institusi pengajian tinggi berdasarkan kepada konsep yang diketengahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Jabatan Pengajian Tinggi) 2018. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengkategorikan institusi pengajian tinggi kepada lima kategori utama, iaitu universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik, kolej komuniti dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Kelima-lima kategori institusi pengajian tinggi ini menawarkan pendidikan selepas persekolahan formal bermula daripada peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan, ijazah sarjanamuda dan sarjana. Semua kategori institusi pengajian tinggi berkenaan merupakan organisasi milik kerajaan kecuali institusi pengajian tinggi swasta. Perbezaan utama antara institusi pengajian tinggi swasta dan awam adalah daripada segi orientasi keuntungan, iaitu institusi pendidikan tinggi swasta lebih berorientasikan keuntungan berbanding institusi pengajian tinggi yang lain. Selain itu, setiap penubuhan institusi pengajian tinggi mungkin bersifat umum (menawarkan pelbagai kategori bidang dan jurusan pengajian) atau bersifat khusus, terutamanya yang mengkhususkan kepada bidang kemahiran teknikal dan teknologi. Politeknik, kolej komuniti dan institut latihan

kemahiran awam (ILKA) lebih cenderung menawarkan program bersifat teknikal dan teknologi atau lebih dipopularkan pada masa sekarang sebagai jurusan teknikal dan vokasional (TVET – *technical and vocational education and training*).

Definisi dan konsep usahawan

Istilah keusahawanan atau usahawan mulai diperkenalkan oleh Richard Cantillon (1755), iaitu menerusi istilah '*entreprendre*' (istilah Perancis) yang kemudiannya diterima pakai dalam bahasa Inggeris sebagai '*entrepreneur*'. '*Entreprendre*' membawa maksud 'memikul sesuatu tugas'. Menurut Cantillon, usahawan memikul tugas sama seperti ketua perang (jeneral atau panglima perang) yang menggerakkan pasukannya (organisasinya) menerusi pelbagai strategi peperangan. Manakala menurut Kamus Dewan, usahawan merupakan individu yang menubuhkan atau menerajui sebuah perniagaan sendiri serta mengembangkannya dari masa ke semasa. Usahawan juga dikenali sebagai pedagang, peniaga dan pengusaha. Manakala menurut Kamus Webster's New World pula, keusahawanan sebagai satu usaha untuk mengorganisasi dan mengurus pengambilalihan dan memanfaatkan risiko demi meraih keuntungan. Kao (1995) mendefinisikan keusahawanan sebagai satu proses mencipta sesuatu yang baharu (menerusi kreativiti dan penghasilan inovasi) dan berbeza bagi tujuan mencipta kesejahteraan kepada individu dan masyarakat. Manakala menurut Becker, Knudsen dan Swedberg (2011) serta Bjerke (2007) selain memiliki ciri-ciri mengasaskan sesebuah perniagaan baharu, menggalakkan individu usahawan juga memiliki ciri-ciri seperti mengambil risiko (secara bijak atau *calculated risk takers*), membuat ramalan, keputusan dan inovasi, usahawan juga memiliki ciri-ciri seperti yang disenaraikan oleh Schumpeter (1952). Selain itu, menurut kedua-dua kajian berkenaan juga menyimpulkan bahawa usahawan merupakan individu yang berusaha membentuk dan mewujudkan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor-faktor pengeluaran untuk mencari peluang perniagaan yang memberikan kebaikan kepada pelbagai pihak dan memenuhi keperluan orang ramai. Keterangan ini turut dibuktikan menerusi dapatan kajian oleh Gielnik, Bledow dan Stark (2020) serta Downes, Crawford, Seibert, Stoverink, Campbell dan Elizabeth (2021). Manakala menurut Mohd Syahrir *et. al.* (2017) pula menyatakan bahawa keusahawanan merupakan satu proses pengujudan dan pengembangan perniagaan secara berterusan yang menyumbang kepada manfaat pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi serta sebagai satu profesion kerjaya. Berdasarkan kepada kebanyakan penulisan ilmiah, keusahawanan merupakan satu bidang ilmu yang terhasil daripada kombinasi bidang ilmu utama seperti ekonomi, sosiologi, psikologi dan pengurusan (Becker *et. al.*, 2011 dan Bjerke, 2007). Ini bermakna, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, individu perlu memiliki ilmu ekonomi, sosiologi, psikologi dan pengurusan disamping ilmu-ilmu asas yang membina keempat-empat bidang ilmu berkenaan terutamanya matematik, statistik dan bahasa.

Ciri-ciri usahawan

Kajian yang dilaksanakan oleh McClelland dan McBer (1985) telah menyenaraikan 13 ciri usahawan yang utama, iaitu berinisiatif tinggi, melihat dan merebut peluang perniagaan, kecekalan, pencarian maklumat, mementingkan kualiti kerja, memiliki iltizam tinggi terhadap spesifikasi kerja, berorientasikan kecekapan, bijak membuat perancangan yang sistematik, kemampuan penyelesaian masalah secara kreatif, keyakinan diri, ketegasan, berupaya menyakinkan orang lain dan mampu memanfaatkan strategi pengaruh. Dapatan McClelland dan McBer (1985) berkenaan telah disahkan sebagai sah dimiliki oleh usahawan yang berjaya dikalangan para pelajar di Malaysia oleh kajian yang dilaksanakan oleh Siti Syuhada, Muhammad Firdaus dan Suhaila (2015).

Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Nurulhayah dan Muhammad (2016) serta Zhao, Seibert dan Hills (2005) pula telah mendapati bahawa antara ciri utama usahawan ialah memiliki pengetahuan dalam bidang perniagaan dan keusahawan, sikap suka kepada cabaran dan pengambil risiko, suka berdikari, motivasi tinggi dan sentiasa bersedia bersiap siaga dalam menghadapi sebarang cabaran dan dugaan dalam perniagaan. Manakala Mimi Mohaffyza, Simah dan Adnan (2016) telah menyenaraikan ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif, berani mengambil risiko, keyakinan diri, motivasi, memiliki kemahiran berkomunikasi, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran pengurusan perniagaan, kemahiran pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah serta kemahiran kepimpinan merupakan antara ciri usahawan yang berjaya. Pendapat mereka turut dikongsi bersama dalam penulisan Bjerke (2007) serta dibuktikan oleh dapatan kajian oleh Xu dan Adams (2020). Mimi Mohaffyza, Simah dan Adnan (2016) turut menyatakan betapa pentingnya sistem pendidikan dan sistem sosial utama yang lain bagi menyediakan akses terbaik kepada golongan berkenaan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran keusahawanan terutamanya menerusi program latihan dan bantuan kewangan.

Pembudayaan keusahawanan

Nor Aini, Nor Azzah dan Suhaili (2003) serta Fernandez, Orozco, Rodriguez, Cermeño dan Nichols (2020) menyatakan bahawa institusi pendidikan formal (pusat latihan, sekolah dan pengajian tinggi), agensi-agensi pembangunan keusahawan kerajaan terutamanya Kementerian Pembangunan Usahawan, media massa, institusi keluarga dan institusi sosial seperti organisasi agama dan kemasyarakatan mempunyai pengaruh dalam menyemai dan menyuburkan budaya keusahawanan menerusi pemupukan sikap positif dan program pembangunan minda terutamanya daripada segi penerapan pemikiran kreatif, penyelesaian masalah dan hidup berdikari. Pandangan ini turut disokong oleh kajian Zaidatol dan Habibah (2004) serta penulisan Bjerke (2007) yang menyatakan bahawa, selain memiliki ilmu pengurusan perniagaan, tradisi keluarga (meneruskan perniagaan keluarga atau mendapat sokongan moral dan modal daripada ahli keluarga serta sokongan) dan bantuan agensi kerajaan terutamanya daripada segi latihan kemahiran pengurusan perniagaan dan bantuan kewangan turut menyemarakkan pemupukan budaya keusahawanan dikalangan rakyat terutamanya usahawan bumiputera. Selain itu, dapatan kajian oleh Ummi Munirah, Aidatul Najwa, Mohammed Rizki, Wan Suraya dan Wan Shahzlinda (2017) turut menemui bahawa agensi kerajaan dan institusi pendidikan formal memainkan peranan penting dalam membudayakan keusahawanan dikalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan generasi muda dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Kecenderungan pemilihan kerjaya oleh pelajar

Manusia menghasilkan tindakan akibat dipengaruhi oleh faktor persekitaran (Kotler & Armstrong, 2018) terutamanya untuk memenuhi dorongan peribadi dan sosial (McClelland, 1987). Begitu juga individu yang menceburi bidang keusahawanan, mereka dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang boleh dikategorikan sebagai faktor peribadi, sosial dan persekitaran umum sepanjang kehidupan individu berkenaan (Norashidah *et. al.*, 2009 serta Xu dan Adams, 2020). Menurut mereka lagi, selain daripada faktor pengaruh semasa, pengalaman masa lalu turut mempengaruhi pandangan dan pembentukan sikap individu pada masa sekarang. Pendapat ini turut dikongsi oleh Azmi, Nik Hairi dan Lee (2012). Menurut mereka, faktor pengaruh penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi dalam keusahawanan sangat dipengaruhi oleh pengalaman masa lepas dalam bidang perniagaan dan keusahawan terutamanya sewaktu di bangku sekolah. Menurut mereka lagi, selain daripada faktor pengalaman lepas, faktor-faktor seperti keinginan mencapai kebebasan, dorongan ekonomi keluarga (membantu keluarga), mementingkan kebebasan bertindak, ingin menjadi kaya, ingin berdikari dan tidak suka bekerja makan gaji merupakan antara faktor yang mendorong individu menceburi bidang

keusahawanan. Pendapat mereka ini juga turut dikongsi bersama menerusi penulisan oleh Bjerke (2007) serta dapatan kajian Gielnik, Bledow dan Stark (2020).


Nurulhayah dan Muhammad (2016) pula menyatakan bahawa bakal usahawan turut menjadikan kejayaan usahawan sedia ada seperti Tan Sri Robert Kuok dan Tan Sri Syed Bukhari di Malaysia dan dunia seperti Bill Gates, Mark Zuckerberg dan mendiang Steve Jobs sebagai sumber inspirasi selain faktor keperluan memiliki modal untuk memulakan perniagaan. Nor Aini *et. al.* (2003) dan Bjerke (2007) menyatakan bahawa, selain motivasi untuk menghasilkan kekayaan (sumber pendapatan lebih baik) dan kebebasan bekerja, faktor-faktor seperti perasaan tidak puas hati dengan pekerjaan terdahulu, kehilangan pekerjaan serta minat dan penerusan tradisi keluarga menjadi faktor pendorong individu untuk berkecimpung dalam dunia keusahawanan. Pandangan mereka turut disokong oleh dapatan kajian Downes, Crawford, Seibert, Stoverink, Adam dan Campbell (2021). Mimi Mohaffyza *et. al.* (2016) pula menambah bahawa pengalaman kemahiran seperti pengurusan perniagaan, pembuatan keputusan, kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran teknologi maklumat yang diberikan kepada pelajar semasa sesi pengajian di institusi pendidikan menjadi pendorong utama pemilihan kerjaya sebagai usahawan dikalangan pelajar institusi kemahiran tinggi. Pendapat ini disokong oleh kajian Ummi Munirah *et. al.* (2017) serta Downes, Crawford, Seibert, Stoverink, Adam dan Campbell (2021) juga telah mendapati bahawa modal kewangan, motivasi, matlamat, sokongan ahli keluarga, minat, pengalaman berniaga secara sambilan dan sokongan kerajaan menjadi antara pengaruh utama penglibatan individu dalam bidang keusahawanan. Kajian Gupta, Turban an Bhawe (2008) serta Steinmetz, Isidor dan Bauer (2021) faktor jantina (demografik) turut memainkan peranan dalam mempengaruhi kecenderungan pemilihan kerjaya oleh pelajar terutamanya dalam bidang keusahawanan. Walaupun kajian mereka mendapati pengaruh jantina berbeza-beza, lelaki didapati lebih cenderung memilih kerjaya keusahawanan berbanding wanita yang menganggap pemilihan kerjaya sebagai usahawan hanya pilihan bukannya cita-cita mereka.

Noraznida dan Siti Zubaidah (2018) telah menyenaraikan tiga faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan pelajar dalam memilih bidang pekerjaan. Ketiga-tiga kelompok faktor berkenaan adalah seperti faktor minat, pengaruh individu lain dan kewujudan peluang-peluang keusahawanan semasa. Faktor minat merangkumi dua perkara, iaitu dorongan dalaman dan motivasi diri yang tinggi. Faktor pengaruh orang lain (faktor sosial) merangkumi pengaruh keluarga, rakan baik, masyarakat dan guru. Manakala faktor kewujudan peluang-peluang pekerjaan semasa seperti ketersediaan peluang pekerjaan dan galakan atau kempen institusi pendidikan dan kerajaan terhadap sesuatu bidang pekerjaan. Menurut Baharu dan Mohammed Zain (2013), keinginan dan cita-cita generasi muda terhadap bidang kerjaya tertentu seperti keusahawan sangat dipengaruhi oleh pemupukan sikap yang kukuh terutamanya daripada segi keinginan (kognitif dan emosional). Hal ini turut disokong oleh teori pembentukan gelagat atau tingkah seperti McClelland (1987), Staddon dan Cerutti (2003), Miltenberger (2008), Norashidah *et. al.* (2009), Kotler dan Armstrong (2018) dan banyak lagi kajian yang menyatakan bahawa kecenderungan tingkahlaku atau gelagat individu dipengaruhi oleh usaha pencapaian atau dorongan terhadap sesuatu terutamanya daripada segi manfaat sosial dan kewangan.

Kerangka teori kajian

Berdasarkan kepada sorotan karya, dapat disimpulkan bahawa kecenderungan pelajar memilih sesuatu bidang kerjaya seperti keusahawanan dipengaruhi oleh tiga kategori pengaruh yang utama, iaitu faktor demografik dan peribadi, faktor sosial dan faktor pengaruh institusi pengajian. Faktor demografik dan peribadi merujuk kepada semua dimensi faktor demografik terutamanya jantina, umur, ras, taraf pendidikan dan program atau bidang pengajian serta faktor peribadi seperti tempat asal (lokality atau geografik), minat, sikap, pengalaman aktiviti keusahawanan, kemahiran ilmu keusahawanan dan kecenderungan kepimpinan. Faktor sosial merangkumi pengaruh keluarga, rakan, guru atau pensyarah dan komuniti. Manakala faktor pengaruh institusi pengajian pula merangkumi jenis program atau bidang pengajian, kursus-kursus keusahawanan yang telah dihadiri, pusat pengajian atau unit keusahawanan institusi pengajian dan agensi-agensi kerajaan. Secara teorinya, kerangka kajian dapat digambarkan menerusi rajah berikut:

Rajah 1: Kerangka Kajian



Metodologi kajian

Kajian dilaksanakan menerusi kaedah kuantitatif, iaitu menerusi pengedaran satu set borang soal selidik di kalangan sampel. Populasi kajian adalah pelajar institusi pengajian tinggi seperti yang diklasifikasikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), iaitu pelajar-pelajar di universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik, kolej komuniti dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Akibat kewujudan kekangan daripada segi masa, kos dan tenaga serta keupayaan lokasi mewakili populasi sebenar kajian, pasukan penyelidik telah mengambil keputusan memilih kawasan Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman sebagai populasi dan lima institusi pengajian tinggi masing-masing mewakili setiap institusi pengajian tinggi seperti yang didefinisikan oleh pihak KPM kecuali institut pendidikan tinggi swasta. Institut pendidikan tinggi swasta tidak dipilih kerana institusi pengajian kategori ini tidak wujud di daerah Kubang Pasu. Institusi pengajian tinggi yang telah dipilih merangkumi Universiti Utara Malaysia, Kolej Komuniti Darul Aman, Akedemi Binaan Malaysia, Politeknik Muadzam Syah dan Institut Latihan Perindustrian Jitra (mewakili ILKA).

Borang soal selidik diedarkan dikalangan pelajar di institusi pengajian tinggi berkenaan secara bersemuka oleh pembantu penyelidik yang dilantik daripada kalangan pelajar institusi pengajian berkenaan dengan sasaran setiap institusi menyediakan 100 responden. Pemilihan

sampel dibuat dengan menggunakan kaedah pensampelan tidak berkebarangkalian, iaitu pensampelan selesa. Walaupun kaedah pensampelan ini tidak setepat pensampelan berkebarangkalian, berdasarkan kepada kekangan-kekangan yang dihadapi penyelidik, pensampelan ini merupakan kaedah pensampelan terbaik khususnya dalam meningkatkan kadar tindakbalas responden (*response rate*) dan pandangan ini disokong oleh Aaker, Kumar dan Day (2012) serta Bougie dan Sekaran (2015). Selain itu, arahan telah dikeluarkan agar numerator hanya memilih subjek dikalangan setiap lima orang pelajar yang mendatangi premis seperti kantin atau perpustakaan. Hasilnya, kajian berjaya memperolehi jumlah responden yang mencukupi di setiap institusi berkenaan, iaitu UUM seramai 47 orang, Kolej Komuniti seramai 39 orang, Akademi Binaan Malaysia seramai 33 orang, politeknik 41 orang dan institut latihan perindustrian seramai 45 orang. Borang soal selidik merangkumi lima komponen soalan yang utama, iaitu maklumat demografik, dimensi peribadi selain faktor demografik, dimensi pengukuran pengaruh sosial, dimensi pengukuran pengaruh institusi pendidikan (termasuk masyarakat dan kerajaan Malaysia) dan dimensi pemikiran keusahawanan (tidak diliputi oleh laporan ini secara langsung).

Maklumat demografik mengandungi sepuluh (10) item termasuk latar belakang keluarga berkaitan keusahawanan dan program atau bidang pengajian, dimensi peribadi mengandungi empat belas (14) item, dimensi pengaruh sosial mengandungi sepuluh (10) item, dimensi pengaruh institusi pendidikan mengandungi tiga belas (13) item dan dimensi pemikiran keusahawanan mengandungi dua puluh enam (26) item. Selain itu, terdapat satu (1) item pengukuran yang mengukur secara langsung kecenderungan responden terhadap bidang kerjaya keusahawanan. Keseluruhan soalan berjumlah tujuh puluh empat (74) soalan, iaitu satu jumlah yang sederhana bagi kajian sosial (Bougie & Sekaran, 2015). Item pengukuran demografik menyediakan pilihan jawapan yang bersesuaian untuk dipilih manakala item pengukuran dimensi-dimensi lain menggunakan skala Likert berkaitan tahap persetujuan (setuju atau tidak setuju) responden. Soalan-soalan berkaitan pengukuran kecenderungan responden terhadap kerjaya keusahawanan pula menggunakan skala pementakan berkaitan pandangan responden untuk menjangkakan penglibatan mereka dalam kerjaya keusahawanan setelah menamatkan pengajian pada masa hadapan (pasti atau tidak pasti). Kedua-dua skala pengukuran berkenaan menggunakan skala genap (empat) berbanding ganjil (lima) kerana pasukan penyelidik berpegang kepada pendapat bahawa skala ganjil membuka ruang untuk responden 'tidak menjawab'. Mungkin ada yang berpendapat bahawa penyelidik boleh menggunakan skala jawapan sama ada memihak kepada pendapat negatif atau pendapat positif. Bagaimanapun, pada pandangan penyelidik, sekiranya ini dilakukan, kajian telah membelakangkan teori penghasilan skala pengukuran yang perlu bersifat adil dan saksama (McDaniel & Gate, 2016 dan Malhotra, 2019).

Dapatan kajian

Dapatan kajian ini hanya memaparkan dapatan yang berkaitan pencapaian objektif kajian dan akan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif secara memaparkan frekuensi dan frekuensi jadual silang (*crosstab*) sahaja. Ringkasan dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1.

Jadual 1: Profil Responden

Faktor demografik		Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	122	59.5
	Perempuan	83	40.1
Bangsa	Melayu	147	71.7
	Cina	29	14.1
	India	20	9.8
	Lain-lain	9	4.4
Umur	Bawah 18 tahun	11	5.3
	18 – 20 tahun	57	27.8
	21 – 22 tahun	118	57.5
	23 – 25 tahun	17	8.3
	Melebihi 25 tahun	2	1.1
Institusi	Universiti awam	47	22.9
	Kolej Komuniti	39	19.0
	Politeknik	41	20.0
	ILKA	78	38.1
Tahap pendidikan tertinggi	SPM	166	81.0
	STPM/Asasi/Matrikulasi	21	10.2
	Diploma	16	7.8
	Ijazah Sarjanamuda	2	1
Program/ Bidang pengajian semasa	Sijil kemahiran	117	57.1
	Diploma	41	20.0
	Ijazah Sarjanamuda	47	22.9
Jurusan/Aliran	Teknikal/ Kejuruteraan	96	46.8
	Teknologi	57	27.8
	Keusahawanan/ Perniagaan	35	17.1
	Sastera umum	15	8.3
Keluarga usahawan	Ibubapa	13	6.3
	Saudara kandung	21	10.2
	Keluarga terdekat	41	20.0
	Tiada	130	63.5
Pengalaman berniaga	Tugasan/ projek akademik	107	52.2
	Koperasi sekolah	32	15.6
	Perniagaan kecil-kecilan	28	13.7
	E-dagang/ Online	31	15.1
	Tiada pengalaman	7	3.4
Sumber inspirasi menjadi usahawan	Keinginan sendiri	20	9.8
	Keluarga	22	10.7
	Peringkat sekolah	22	10.7
	Masyarakat	13	6.3
	Dasar/ galakan kerajaan/ agensi	17	8.4
	Program di rangkaian TV/radio	13	6.3
	Bahan bacaan	16	7.8
	Tiada keinginan menjadi usahawan	82	40.0

Berdasarkan dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 1, majoriti responden terdiri di kalangan pelajar lelaki, iaitu merangkumi 59.5 peratus. Manakala pelajar berbangsa Melayu merupakan responden majoriti, iaitu merangkumi sekitar 71.7 peratus, diikuti dengan pelajar Cina 14.1, India 9.8 dan bangsa-bangsa lain 4.4 peratus. Majoriti responden berumur antara 21 hingga 22 tahun, iaitu sekitar 57.5 peratus dan diikuti dengan responden berumur antara 18 hingga 20 tahun dan berumur antara 23 hingga 25 tahun masing-masing merangkumi 27.8 dan 8.3 peratus. Responden daripada institut latihan kemahiran awam (ILKA) membentuk komposisi terbesar sekitar 38.1 peratus diikuti dengan responden daripada universiti awam yang membentuk sekitar 22.9. Komposisi ini tidak banyak berbeza daripada kumpulan responden daripada politeknik dan kolej komuniti yang membentuk sekitar 20 dan 19 peratus.

Pelajar lulusan SPM merupakan golongan responden teramai merangkumi 81 peratus diikuti dengan pelajar lulusan STPM/Asasi/Matrikulasi merangkumi sekitar 10.2 peratus serta diikuti rapat oleh pelajar lulusan diploma sekitar 7.8 peratus. Pelajar yang memiliki ijazah sarjanamuda pula merangkumi 1 peratus dan berkemungkinan besar terdiri daripada pelajar di Akademi Binaan Malaysia (berdasarkan kepada pilihan jawapan item yang lain). Majoriti responden sedang mengikuti latihan atau program dalam bidang sijil kemahiran atau TVET, iaitu merangkumi 57.1 dan diikuti masing-masing oleh sarjanamuda dan diploma, iaitu sekitar 22.9 dan 20 peratus. Manakala daripada segi aliran program atau bidang kajian pula majoritinya datang daripada jurusan teknikal atau kejuruteraan, iaitu sekitar 46.8 peratus. Ini diikuti oleh responden daripada jurusan teknologi (27.8 peratus), keusahawanan/ perniagaan (17.1 peratus) dan jurusan sastera umum sekitar 8.3 peratus. Sebenarnya, borang soal selidik menyediakan pilihan jawapan kepada responden daripada aliran sains umum, bagaimanapun kumpulan ini tidak memiliki responden. Tiga item berikutnya dalam bahagian demografik responden mempunyai hubungan langsung dengan kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan, iaitu latar belakang keluarga, pengalaman berniaga atau keterlibatan individu dalam aktiviti keusahawanan dan sumber inspirasi yang mendorong minat terhadap kerjaya keusahawanan. Majoriti responden, iaitu sekitar 63.5 peratus datang daripada keluarga yang tidak berkecimpung dalam aktiviti keusahawanan. Hanya sekitar 16.5 peratus responden sahaja yang berasal daripada keluarga usahawan, iaitu sama ada daripada ibubapa ataupun saudara kandung.

Sesuatu yang unik berlaku dikalangan responden, iaitu majoriti daripada mereka mempunyai pengalaman keusahawanan menerusi penglibatan dalam kerja kursus akademik di peringkat program pengajian. Item ini akan dinilai menerusi analisis jadual silang dengan item kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan bagi melihat sama ada pengalaman pendidikan ini memberi kesan positif atau tiada kaitan dengan kecenderungan pemilihan kerjaya responden. Penglibatan responden dalam koperasi sekolah dan aktiviti E-dagang atau pemasaran atas talian menyumbang masing-masing sekitar 15.6 dan 15.1 peratus. Item terakhir dalam kelompok ini, iaitu sumber inspirasi untuk menjadi usahawan majoriti disumbang oleh item keluarga dan pihak sekolah, iaitu masing-masing 10.7 peratus. Bagaimanapun, peratusan ini hanya untuk responden yang mempunyai kecenderungan untuk menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama. Sebaliknya, golongan responden yang tidak berminat terhadap kerjaya keusahawanan membentuk kelompok majoriti, iaitu sekitar 40 peratus. Ini bermakna, majoriti responden masih berorientasikan pencari pekerjaan dan bukannya berorientasikan penghasil pekerjaan, iaitu usahawan. Manakala Jadual 2 pula memaparkan pengaruh silang dikalangan faktor demografik dengan kecenderungan menjadi usahawan setelah menamatkan pengajian. Faktor-faktor demografik berkenaan seperti jantina, bangsa, umur, institusi pengajian, tahap pendidikan tertinggi, program atau bidang pengajian semasa, keluarga

usahawan. pengalaman berniaga dan sumber inspirasi menjadi usahawan. Secara ringkasnya, dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Ringkasan analisis jadual silang antara kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan dan faktor-faktor demografik.

Kecenderungan Keusahawanan	Tidak pasti (%)	Kurang pasti (%)	Pasti (%)	Sangat pasti (%)
Demografik				
Jantina:				
Lelaki	27 (22.1)	44 (36.1)	39 (32.0)	12 (9.8)
Perempuan	14 (16.9)	26 (31.3)	25 (30.1)	18 (21.7)
Bangsa:				
Melayu	32 (21.8)	53 (36.1)	49 (33.3)	13(8.8)
Cina	2 (6.9)	7 (24.1)	8 (27.6)	12 (41.4)
India	4 (20.0)	9 (45.0)	4 (20.0)	3 (15.0)
Lain-lain	3 (33.3)	1 (11.1)	3 (33.3)	2 (22.3)
Umur:				
Bawah 18 tahun	1 (9.1)	6 (54.5)	2 (18.2)	2 (18.2)
18 – 20 tahun	26 (45.6)	17 (29.8)	7 (12.3)	7 (12.3)
21 – 22 tahun	13 (11.0)	39 (33.1)	48 (40.7)	18 (15.2)
23 – 25 tahun	1 (5.9)	7 (41.2)	6 (35.3)	3 (17.6)
Melebihi 26 tahun	n.a.	1 (50.0)	1 (50.0)	n.a.
Institusi pengajian:				
Universiti awam	15 (31.9)	20 (42.5)	7 (15)	5 (10.6)
Kolej Komuniti	5 (12.8)	12 (30.8)	15 (38.5)	7 (17.9)
Politeknik	10 (24.4)	16 (39.0)	11 (26,8)	4 (9.8)
ILKA	11 (14.1)	22 (28.2)	31 (39.7)	14 (18.0)
Tahap pendidikan tertinggi:				
SPM	35 (21.1)	48 (28.9)	57 (34.3)	26 (15.7)
STPM/Asasi/Matrikulasi	3 (14.3)	11 (52.4)	4 (19.0)	3 (14.3)
Diploma	3 (18.7)	10 (62.5)	2 (12.5)	1 (6.3)
Ijazah Sarjanamuda	n.a.	1 (50.0)	1 (50.0)	n.a.
Program/ bidang pengajian semasa:				
Sijil kemahiran	16 (13.7)	34 (29.1)	46 (39.3)	21 (17.9)
Diploma	10 (24.4)	16 (39.0)	11 (26.8)	4 (9.8)
Ijazah Sarjanamuda	15 (31.9)	20 (42.6)	7 (14.9)	5 (10.6)
Jurusan pengajian:				
Teknikal/ Kejuruteraan	15 (15.6)	32 (33.3)	32 (33.3)	17 (17.8)
Teknologi	10 (17.5)	16(28.1)	24 (42.1)	9 (12.3)
Keusahawanan/ Perniagaan	11 (31.4)	13 (37.1)	7 (20.0)	4 (11.5)
Sastera umum	5 (33.3)	9 (60.0)	1 (6.7)	n.a.
Keluarga usahawan:				
Ibubapa	n.a.	2 (15.4)	6 (46.2)	5 (33.4)
Saudara kandung	n.a.	5 (23.8)	10 (47.6)	6 (28.6)
Keluarga terdekat	3 (7.3)	9 (22.0)	22 (53.7)	7 (17)
Tiada	38 (29.2)	54 (41.5)	26 (20.0)	12 (9.3)

Pengalaman berniaga:				
Tugasan/ projek akademik	25 (23.4)	33 (30.8)	31 (29.0)	18 (16.8)
Koperasi sekolah	2 (6.3)	10 (31.3)	14 (43.8)	6 (18.6)
Perniagaan kecil-kecilan	8 (28.6)	11 (39.3)	7 (25.0)	2 (7.1)
E-dagang/ Online	5 (16.1)	13 (41.9)	10 (32.3)	3 (9.7)
Tiada pengalaman	1 (14.3)	3 (42.9)	2 (28.5)	1 (14.3)
Sumber inspirasi menjadi usahawan:				
Keinginan sendiri	n.a.	2 (10.0)	12 (60.0)	6 (30.0)
Keluarga	3 (13.6)	6 (27.2)	8 (36.4)	5 (22.8)
Peringkat sekolah	1(4.6)	1 (4.6)	12 (54.5)	8 (36.3)
Masyarakat	2 (15.4)	1 (7.7)	7 (53.8)	3 (23.1)
Dasar/ galakan kerajaan/ agensi	2 (11.8)	2 (11.8)	8 (47.1)	5 (29.3)
Program di rangkaian TV/radio	4 (30.8)	3 (23.1)	5 (38.5)	1 (4.6)
Bahan bacaan	1 (6.2)	4 (25.0)	9(56.3)	2 (12.5)
Tiada keinginan menjadi usahawan	28 (34.1)	51 (62.2)	3 (3.7)	n.a.

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 2, terdapat perbezaan sedikit antara pengaruh jantina terhadap kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan, iaitu majoriti responden perempuan menyatakan bahawa mereka pasti dan sangat pasti memilih kerjaya keusahawanan, iaitu sebanyak 51.8 peratus berbanding lelaki sekitar 41.8 peratus. Wujud perbezaan yang ketara antara responden berbangsa Cina dan bukan Cina, iaitu Melayu dan India berkenaan kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan, iaitu responden Cina yang yakin dan sangat yakin memilih keusahawanan sebagai kerjaya, iaitu membentuk sekitar 69 peratus berbanding Melayu dan India masing-masing sekitar 42.1 dan 35 peratus. Manakala responden berbangsa lain, iaitu Siam membentuk pola seperti responden Cina, iaitu majoriti daripada mereka yakin dan sangat yakin memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya, iaitu meliputi 55.6 peratus.

Pengaruh umur pula menunjukkan bahawa responden yang berumur 21 hingga 25 tahun membentuk kumpulan yang ramai memilih kerjaya keusahawanan berbanding jangka umur responden yang lain, iaitu sebanyak 53 dan 56 peratus berbanding kumpulan umur yang lain, iaitu sekitar 23 dan 36 peratus sahaja responden yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan. Pengaruh institusi pengajian tinggi pula memaparkan bahawa responden dari kolej komuniti dan ILKA membentuk kelompok responden majoriti yang yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan, iaitu masing-masing 56 dan 58 peratus berbanding responden daripada universiti awam sekitar 25 peratus dan politeknik 36 peratus. Pengaruh tahap pendidikan tertinggi sebelum memasuki institusi pengajian tinggi pula menunjukkan hanya lulusan SPM sahaja yang membentuk 50 peratus yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan berbanding dua tahap pendidikan yang lain, iaitu STPM/Asasi/Matrikulasi dan diploma masing-masing hanya membentuk kelompok yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan, iaitu sekitar 33 dan 19 peratus sahaja.

Tahap pendidikan tertinggi responden secara langsung mempengaruhi kecenderungan responden terhadap kerjaya keusahawanan, iaitu hanya responden yang sedang mengikuti program pengajian sijil kemahiran sahaja membentuk kelompok majoriti, iaitu 57 peratus berbanding dua kategori yang lain, iaitu pelajar program diploma dan ijazah sarjanamuda yang masing-masing hanya membentuk 36 dan 25 peratus sahaja. Pengaruh jurusan pengajian pula memaparkan bahawa kedua-dua jurusan teknikal (teknikal/kejuruteraan dan teknologi) berjaya

membentuk kelompok majoriti responden yang yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan, iaitu masing-masing 51 dan 54 peratus berbanding responden yang sedang mengikuti jurusan keusahawanan dan perniagaan, iaitu yang hanya berjaya membentuk 32 peratus sahaja. Faktor kewujudan penglibatan ahli keluarga terdekat seperti ibubapa, saudara kandung dan sanak saudara terdekat telah didapati sangat mempengaruhi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan. Ketiga-tiga kategori berkenaan, iaitu ibubapa, saudara kandung dan keluarga terdekat yang terlibat dalam kerjaya keusahawanan membentuk kelompok majoriti masing-masing 79.6, 76.2 dan 70.7 peratus kelompok majoriti yang yakin dan sangat yakin untuk memilih kerjaya keusahawanan.

Pengalaman penglibatan masa lalu dalam mempengaruhi kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan pula menunjukkan bahawa hanya penglibatan dalam koperasi sekolah berjaya membentuk kelompok responden majoriti yang yakin dan sangat yakin untuk memilih kerjaya keusahawanan, iaitu sebanyak 62 peratus. Walaupun item lain tidak berjaya membentuk kelompok majoriti, kejayaan membentuk peratusan melebihi 40 peratus bagi kelompok responden yang yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan, iaitu bagi item penglibatan dalam penghasilan tugas/ kertas projek akademik dan penjualan E-dagang/ pemasaran atas talian yang masing-masing membentuk 46 dan 42 peratus boleh dianggap positif berkaitan pengaruh item-item berkenaan. Hanya pengalaman penglibatan dalam jualan secara kecil-kecilan atau separuh masa sahaja kurang memberansangkan, iaitu hanya sekitar 32 peratus sahaja. Item terakhir pula menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi bagi semua item dalam membentuk kecenderungan yang kuat untuk memilih kerjaya keusahawanan kecuali bagi item pengaruh media elektronik tradisi, iaitu televisyen dan radio. Item ini hanya berjaya membentuk 43 peratus sahaja. Walaupun peratusan ini agak baik berbanding item dalam dimensi lain, penelitian mengapa hal ini berlaku perlu diselidiki secara mendalam. Dapatan ini berkemungkinan berlaku kerana responden lebih dipengaruhi oleh media sosial berbanding media tradisi seperti televisyen dan radio. Kajian lain pada masa hadapan mungkin boleh menyenaraikan pengaruh media sosial sebagai item baharu dalam mengukur pengaruh kecenderungan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan.

Rumusan dapatan kajian

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian dapatan kajian seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 2, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor demografik yang mempengaruhi kecenderungan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Faktor-faktor berkenaan seperti jantina, bangsa, umur, program yang diikuti, penglibatan keluarga, pengalaman keusahawanan, penglibatan aktiviti kurikulum keusahawanan dan sumber dorongan (inspirasi) keusahawanan. Pelajar perempuan didapati lebih beriltizam terhadap penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan dan didapati lebih yakin memilih kerjaya keusahawanan berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan dua kajian berikut, iaitu kajian oleh Zhao, Seibert, dan Hills (2005) serta Steinmetz, Isidor dan Bauer (2021) yang menyatakan jantina memainkan peranan penting khususnya daripada segi keinginan untuk berkecimpung dalam kerjaya keusahawanan, iaitu wanita mempunyai kecenderungan atau minat yang lebih tinggi menjadi usahawan berbanding lelaki. Begitu juga pengaruh ras atau bangsa, pelajar berbangsa Cina dan Siam (bangsa lain dalam borang soal selidik) didapati lebih cenderung memilih kerjaya keusahawanan berbanding pelajar berbangsa Melayu dan India. Manakala daripada segi pengaruh umur pula didapati julat umur antara 21 hingga 25 tahun membentuk kelompok responden yang yakin dan sangat yakin memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya utama, iaitu masing-masing membentuk 56 peratus (21-22 tahun) dan 53 peratus (23-25 tahun).

Bagaimanapun, faktor program dan jurusan pengajian yang diikuti di institusi pengajian tinggi didapati sangat mempengaruhi kecenderungan pelajar memilih kerjaya keusahawanan. Pelajar-pelajar daripada program bersifat teknikal, kejuruteraan dan teknologi didapati lebih meminati dan cenderung memilih keusahawanan sebagai kerjaya berbanding program atau jurusan pengajian yang lain termasuk pengurusan perniagaan dan keusahawanan. Ini bermakna, polisi, dasar dan pelaksanaan program pembangunan insan dan pembangunan ekonomi Malaysia pada masa sekarang yang memberikan penekanan yang lebih serius terhadap penglibatan generasi muda dalam program atau jurusan teknikal dan vokasional (TVET – *technical and vocational education and training*) berbanding pada masa lalu adalah tepat.

Faktor pengaruh paling menyerlah dalam mempengaruhi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan oleh pelajar adalah berkisar kepada pengaruh atau penglibatan ahli keluarga terutamanya ahli keluarga terdekat seperti ibubapa dan saudara kandung dalam aktiviti keusahawanan. Hal ini disokong menerusi dapatan oleh Stanford Encyclopedia of Philosophy Archive (2014) yang menyatakan bahawa institusi kekeluargaan merupakan agen sosialisasi utama yang membentuk pemikiran, budaya dan kemahiran sosialisasi seorang individu. Berdasarkan kepada dapatan kajian seperti yang dipaparkan oleh Jadual 2, ibubapa, saudara kandung dan ahli keluarga terdekat seperti bapa atau ibu saudara, mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kecenderungan memilih kerjaya sebagai usahawan oleh pelajar institusi pengajian tinggi. Apa yang menarik terhadap penemuan kajian ini ialah daripada segi pengaruh pengalaman keusahawanan. Walaupun banyak kajian seperti kajian yang dilaksanakan oleh Mohaffyza, Simah dan Adnan (2016), Nurulhayah dan Muhammad (2016) dan Ummi Munirah, Aidatul Najwa, Mohammed Rizki, Wan Suraya dan Wan Shahzlinda (2017) menyatakan bahawa penglibatan dan pengalaman pelajar dalam kurikulum dan aktiviti berkaitan keusahawanan dan perniagaan sangat mempengaruhi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan, kajian ini hanya mendapati bahawa item pengalaman keusahawanan dan perniagaan bersama koperasi sekolah yang diperolehi semasa zaman persekolahan sahaja yang mempengaruhi tahap keyaikanan pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan.

Dimensi terakhir dalam bahagian demografik responden, iaitu sumber inspirasi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan, menunjukkan bahawa semua item pengukuran didapati mempengaruhi kecenderungan responden untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya kecuali item pengaruh media elektronik tradisi seperti televisyen dan radio. Item berkenaan menunjukkan bahawa hanya 43.1 peratus responden yang yakin dan sangat yakin memilih kerjaya keusahawanan berjaya dipengaruhi oleh media massa berkenaan. Hal ini besar berkemungkinan terjadi kerana disebabkan kejayaan media sosial mengambillah peranan media massa elektronik tradisi berkenaan. Bagaimanapun, untuk membuat kesimpulan sedemikian adalah tidak adil memandangkan kajian ini tidak memasukkan item pengaruh media sosial dalam membentuk kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan item berkenaan (pengaruh media sosial dan perbandingan pengaruh jenis-jenis media) boleh diambilkira dalam kajian yang akan dilaksanakan pada masa hadapan.

Cadangan

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian rumusan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa pihak pengurusan institusi pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi-agensi pembangunan keusahawanan kerajaan dan Kerajaan Malaysia perlu memberikan perhatian secara lebih komprehensif dan khusus terhadap beberapa perkara dalam aktiviti pembangunan keusahawanan negara terutamanya dikalangan generasi muda khususnya dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Antara perkara atau elemen pembangunanan

keusahawanan yang perlu diberikan perhatian lebih adalah daripada segi pengaruh jantina, bangsa, umur, program dan jurusan pengajian, pengaruh penglibatan ahli keluarga dan sumber inspirasi.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa iltizam dan kecenderungan pelajar perempuan untuk memilih kerjaya keusahawanan lebih baik berbanding pelajar lelaki. Kenyataan ini bukan sahaja disokong oleh dua kajian berikut, iaitu kajian oleh Zhao, Seibert, dan Hills (2005) serta Steinmetz, Isidor dan Bauer (2021) tetapi juga kajian-kajian lain seperti Gupta, Turba dan Bhawe (2008) serta Fernandez, Orozco, Rodriguez, Cermeno, dan Nichols (2020) serta banyak lagi kajian yang disebut dalam ulasan karya keempat-empat laporan kajian berkenaan yang menyatakan jantina memainkan peranan penting khususnya daripada segi keinginan untuk berkecimpung dalam kerjaya keusahawanan berbanding lelaki. Walaupun hal ini tidak begitu disenangi oleh beberapa ahli sosiologi dan geopolitik, kejayaan skim Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dapat dijadikan rujukan terhadap kenyataan ini. Oleh itu, pihak pengurusan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, institusi kewangan dan Kerajaan Malaysia (sebagai penggubal dasar pembangunan) perlu memberikan perhatian lebih dalam meramaikan lagi usahawan wanita sama ada menerusi bantuan latihan dan teknikal mahupun bantuan kewangan. Faktor ras pula perlu dilihat bersama dengan pengaruh penglibatan ahli keluarga dalam bidang kerjaya keusahawanan. Hal ini adalah kerana keluarga merupakan entiti asas dalam masyarakat (bangsa) dan negara. Menurut McClelland (1987) dan Harris (1995), keluarga merupakan agen sosialisasi paling berpengaruh dalam membentuk kecenderungan budaya setiap individu. Menurut kedua-dua penulis berkenaan, keluarga terutamanya ibubapa dan saudara kandung yang lebih dewasa selalunya dijadikan ikutan (*role model*) oleh individu. Setiap perlakuan dan pendapat ibubapa atau saudara kandung lebih dewasa akan membentuk nilai dan norma kepercayaan jangka panjang kepada individu. Pandangan McClelland dan Harris ini turut disokong oleh dapatan Elistina, Nashaqilla, Afida, Mohhidin dan Fuziah (2017) yang menyatakan bahawa individu dewasa mempunyai peranan yang penting dan bersifat dominan dalam pembentukan kemahiran sosial dan kebudayaan individu manusia. Oleh itu, kerajaan dan institusi pendidikan di Malaysia terutamanya institusi pengajian tinggi perlu mendekati generasi muda terhadap nilai dan budaya perniagaan dan keusahawanan masyarakat Cina untuk diikuti dan disebatikan dalam budaya dan resam kehidupan individu daripada bangsa selain Cina. Program bersama CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) syarikat-syarikat ternama, penceramah jemputan dikalangan pemain industri, perkongsian pengalaman usahawan menerusi lantikan professor adjung serta usaha pengukuhan hubungan institusi pengajian tinggi dan industri menerusi penubuhan jabatan hubungan industri di peringkat institusi pengajian tinggi dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi dan kerajaan Malaysia begitu serius untuk membudaya dan mempopularkan kerjaya keusahawanan dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Selain daripada pengaruh faktor umur dan bangsa, umur juga didapati mempunyai pengaruh yang signifikan dalam mempengaruhi kecenderungan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya utama dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Pelajar dalam julat umur antara 21 hingga 25 tahun merupakan kelompok terbaik untuk dijinakkan dan disebatikan dengan budaya keusahawanan. Selain daripada pengaruh julat umur antara 21 sehingga 25 tahun, bidang atau jurusan pengajian juga hendaklah disebatikan dengan angkubah penapisan pemilihan pelatih atau 'pelajar' keusahawanan. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pelajar yang mengikuti bidang atau jurusan kemahiran teknikal, kejuruteraan dan teknologi lebih cenderung membentuk sikap dan kecenderungan positif untuk terlibat dan memilih bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama setelah menamatkan pengajian. Hal ini sebenarnya telah disadari

oleh kerajaan Malaysia kerana sekiranya diperhatikan terhadap dasar pembangunan insan dan pembangunan ekonomi Malaysia didapati telah memberikan penekanan yang lebih serius terhadap penglibatan generasi muda dalam program atau jurusan teknikal dan vokasional (TVET – *technical and vocational education and training*) dan seterusnya membuktikan bahawa golongan sasaran ini mampu meningkatkan bilangan usahawan negara selaras dengan DPN2030 dan dasar pembangunan negara yang lain termasuk Rancangan Malaysia ke-12.

Dapatan kajian juga memaparkan bahawa pengalaman perniagaan atau keusahawanan pelajar pada peringkat sebelum memasuki pusat pengajian tinggi semasa kurang mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan kecuali pengalaman penglibatan dalam aktiviti koperasi sekolah. Ini kerana, dapatan kajian ini hanya menemui bahawa pengalaman penglibatan pelajar dalam pengurusan koperasi sekolah sahaja yang berjaya mengukuhkan kecenderungan atau keyakinan pelajar untuk memilih bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya masa hadapan mereka. Bagaimanapun sekiranya disandarkan kepada hasil kajian oleh Baharu dan Mohammed Zain (2013), Nurulhayah dan Muhammad (2016) dan Umami Munirah *et. al.* (2017) menyatakan bahawa pengalaman pelajar dalam kurikulum, ko-kurikulum dan aktiviti berkaitan keusahawanan dan perniagaan sangat mempengaruhi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan. Semua kajian berkenaan telah menyenaraikan penglibatan pelajar dalam penghasilan kertas kerja (projek) akademik berkaitan keusahawanan, penglibatan aktif dalam aktiviti perniagaan koperasi sekolah serta keterlibatan pelajar dalam perniagaan sambilan dan aktiviti perniagaan atas talian menyumbang kepada kecenderungan dan minat terhadap kerjaya keusahawanan. Oleh itu, walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya pengalaman penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah sahaja mempunyai pengaruh dominan terhadap kecenderungan pemilihan kerjaya keusahawanan dikalangan pelajar, pihak pengurusan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan Kerajaan Malaysia perlu meningkatkan usaha memperbanyakkan program latihan dan sokongan dalam menggerak lebih aktif dan berkesan aktiviti pemupukan budaya keusahawanan pelajar bukan sahaja menerusi penglibatan koperasi tetapi juga daripada segi kerja kursus yang lebih berorientasikan keusahawanan, aktiviti jualan dan penglibatan aktif pelajar dalam E-dagang dan pemasaran digital. Usaha yang dilaksanakan oleh pihak MDEC (Malaysia Digital economy Corporation) dalam memupuk minat dan seterusnya mendorong penglibatan aktif pelajar institusi pengajian tinggi Malaysia terutamanya menerusi program 'go-eCommerce' dan MTEP (Malaysia Tech Entrepreneur Programme). Go-eCommerce merupakan sebuah program yang diwujudkan oleh MDEC menerusi kerjasama erat dengan institusi pengajian tinggi untuk melatih dan melibatkan pelajar dalam aktiviti pemasaran atas talian dan E-dagang. Menerusi program ini, pihak MDEC telah melatih tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi menerusi program 'melatih jurulatih' (TOT – *training of trainers*) dan pengurusan 'dashboard' keusahawanan digital untuk memantau aktiviti keusahawanan pelajar secara atas talian.

Dimensi terakhir dalam bahagian demografik responden, iaitu sumber inspirasi kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan sebenarnya merupakan dimensi yang menyimpulkan pengaruh umum baik secara dalaman individu mahupun pengaruh luaran individu pelajar. Semua item pengukuran dalam dimensi ini memaparkan pengaruh yang sangat kuat dalam mempengaruhi tahap keyakinan pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka setelah menamatkan pengajian. Ini bermakna, setiap pembangunan kurikulum, ko-kurikulum, program latihan dan program bantuan keusahawanan oleh pihak-pihak berkepentingan terutamanya oleh pihak pengurusan tertinggi institusi pengajian tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi pembangunan keusahawanan kerajaan dan Kerajaan Malaysia perlu memberi perhatian khusus terhadap pembangunan insan keusahawanan terutamanya daripada segi sikap dan motivasi diri

individu pelajar, pembudayaan keusahawanan semasa peringkat pengajian, peranan keluarga dan masyarakat, dasar dan galakan agensi pembangunan keusahawanan kerajaan, memperbanyakkan bahan bacaan yang relevan terutamanya berkaitan dengan ilmu dan kemahiran pengurusan perniagaan dan keusahawanan. Walaupun dapatan kajian menunjukkan bahawa media massa tradisi seperti televisyen dan radio menghasilkan pengaruh yang sederhana, semua pihak berkepentingan tidak boleh memandang kecil peranan media massa berkenaan bersama-sama media massa era baharu, iaitu media sosial terutamanya Facebook, Instagram, WhatsApp, Twitter dan seumpamanya. Semua pihak berkepentingan berkenaan seharusnya memanfaatkan media massa baharu berkenaan. Pihak berkepentingan bukan sahaja perlu meningkatkan populariti dan penggunaan media massa berkenaan sebagai saluran alternatif untuk berkomunikasi dengan generasi muda dan bakal usahawan tetapi juga menggalakkan penglibatan dan kualiti penglibatan mereka dalam memanfaatkan media sosial sebagai medium utama perniagaan. Hal ini sebenarnya telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak MDEC. Menerusi kerjasama dengan semua institusi pengajian tinggi di Malaysia, MDEC menawarkan bantuan kepakaran dan latihan kepada tenaga pengajar dan pelajar terpilih untuk mengikuti pelbagai program latihan dalam memanfaatkan media baharu dan media sosial dalam pengurusan perniagaan dan keusahawanan di Malaysia.

Penutup

Generasi muda yang kebanyakannya sedang berada di bangku sekolah dan pusat pengajian tinggi negara merupakan generasi yang sangat penting dalam menjadikan Malaysia negara maju pada masa hadapan. Hakikat sejarah penubuhan negara-negara maju di dunia seperti yang dapat kita lihat yang berlaku di China dan Korea Selatan telah membuktikan bahawa hasrat berkenaan, iaitu menjadi sebuah negara maju hanya dapat dicapai menerusi langkah meningkatkan bilangan usahawan dan sumbangan usahawan dalam pendapatan negara. Selain menyumbang pendapatan kepada negara, bidang keusahawanan turut memainkan peranan dalam mempengaruhi tahap kestabilan dan kemakmuran ekonomi rakyat bangsa Malaysia, iaitu menerusi penjana pendapatan negara serta memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan.

Rujukan

- Aljaghthami Eman-Nafa & Normala Amir Ishak, (2016). Saudi Arabia women teachers's psychological capital towards work engagement. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 1(1), 39-45.
- Becker, M.C., Knudsen, T. & Swedberg, R., (2011). *The entrepreneur: Classic texts by Joseph A. Schumpeter*, 1st. ed. California: Stanford University Press.
- Bjerke, Bjorn (2007). *Understanding entrepreneurship*. Cheltenham, UK: Edward Elgar.
- Che Asniza Osman & Rohana Ngah, (2016). Assessing sustainable competitive advantage in relation with intellectual capital, knowledge management and innovativeness in women-owned SMEs in Malaysia. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 1(1), 47-51.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan*, 4th. ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Downes, Patrick E.; Crawford, Eean R.; Seibert, Scott E.; Stoverink, Adam C.; Campbell, Elizabeth M. (2021) Referents or role models? The self-efficacy and job performance effects of perceiving higher performing peers. *Journal of Applied Psychology*, Vol 106(3), 422-438.
- ElistinaAbu Bakar, Nashaqilla Norlee Rosslee, Afida Mastura Muhammad Ariff, Mohhidin Othman & Puziah Hashim, (2017). Consumers' trust and values towards halal cosmetics

- and personal care products. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20(2), 21-35.
- Ershad Ali, (2017). Impact of part time work on the academic performance of international students. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 2(1), 18-22.
- Fernandez, Jesica Siham; Orozco, Alma R.; Rodriguez, Patricia; Cermeño, Irene E.; Nichols, Laura. (2020). Madres emprendedoras, entrepreneurial mothers: Reflections from community-based participatory action research course with Mexican immigrant madres in the Silicon Valley. *Peace and Conflict: Journal of Peace Psychology*, Vol 26(2), 181-191.
- Gielnik, Michael M.; Bledow, Ronald; Stark, Miriam S (2020). A dynamic account of self-efficacy in entrepreneurship. *Journal of Applied Psychology*, Vol 105(5), 487-505.
- Gupta, Vishal K.; Turban, Daniel B.; Bhawe, Nachiket M. (2008). The effect of gender stereotype activation on entrepreneurial intentions. *Journal of Applied Psychology*, Vol 93(5), 1053-1061.
- Harris, J.R. (1995). Where is the child's environment? A group socialization theory of development. *Psychological Review*, 102(3), 458-489.
- Leong, Mei Kei, Syuhaily Isman, & Syaheera Abu Bakar, (2017). Relationship of personality factors and purchase intention of counterfeit product among college students. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20(2), 106-122.
- McClelland, D.C. (1987). *Human motivation*. New York: University of Cambridge.
- Miltenberger, R.G. (2008). *Behavioral modification: Principles and procedures*. Boston: Thomson Publishing.
- Melvin Mojikon, Azizan Abdullah & Sofian Shamsuddin, (2017). Linking two dimensions of entrepreneurial orientation to firm performance: The moderating effect of government's role. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 1(1), 39-45.
- Moghimi, Darya; Van Yperen, Nico W.; Sense, Florian; Zacher, Hannes; Scheibe, Susanne. (2021). Using selection, optimization, and compensation-model of action-regulated to explain college students' grades and studies satisfaction. *Journal of Educational Psychology*, Vol 113(1), 181-196.
- Mohd Ridzuan Naemat, Mohd Nor Khairil, Mohd Radzuan Harun, Azhar Ahmad & Lokhman Hakim Osman, (2017). Faktor pendorong yang mempengaruhi keputusan melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) dikalangan staf kerajaan dan swasta. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(1), 59-65.
- Mohd Syahrir Rahim, Ahmad Zamil Abd. Khalid, Shahadah Hj. Abdullah, Syahrina Abdullah, Saudah Ahmad, Norria Zakaria.... Donny Abdul Latief Poespowidjojo. (2017). *Asas keusahawanan: Ke arah pengukuhan minda dan kemahiran keusahawanan*. Sintok: UUM Press.
- Noorah Yusof & Zakiah Jamaluddin, (2017). Pembangunan kebolehpasaran siswazah: Tindakan universiti dan cabaran yang dihadapi. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(1), 33-46.
- Norazila Mat, Muhammad Syaqqif NOordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim & Jamsari Alias, (2017). Pembentukan kemahiran insaniah pelajar melalui badan beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20(1), 15-32.
- Nurul Hisifbli Ibrahim & Abdul Rahman Saili, (2017). Assessment of entrepreneurial inclination among the seaweed operator at Semporna, Sabah using EAO Model. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 2(1), 57-66.
- Staddon, J.E. & Cerutti, D.T. (2003). Operant conditioning. *Annual Review of Psychology*, 54(1), 115-144.
- Stanford University. (2014). *Stanford Encyclopedia of Philosophy Archive*. California: Stanford University.

- Steinmetz, Holger; Isidor, Rodrigo; Bauer, Corinna. (2021). Gender differences in the intention to start a business: An updated and extended meta-analysis. *Zeitschrift für Psychologie*, Vol 229(1), *Special Issue: Hotspots in Psychology*, 70-84.
- Syuhaily Osman, Afida Mastura Muhammad Arif & Cham, Xiau Yean, (2017). Predictors of purchasing intention off luxury goods among university students in Selangor. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20(2), 57-80.
- Teo, Carol Boon-Chui, (2016). Recycling behaviour of Malaysian Urban households and upcycling Prospects. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 1(1), 9-15.
- Teong-Jin, Steven Toh, Tan, Cheng Ling & Yen, Sook Fern, (2016). What are the attractiveness aspects that influence customer loyalty to homestays? A study in Taiwan. *Jurnal Pengurusan*, 48, 201-218.
- World Publishing Company. (2012). *Kamus Webster's New World*. Boston: Houghton Mifflin Harcourt.
- Xu, Hui; Adams, Papa. (2020). Ambiguity aversion in career decision-making: Its longitudinal prediction for college career outcomes *Journal of Counseling Psychology*, Vol 67(2), 232-240.
- Zhang, S.X. & Cueto, J., (2015). The study of bias in entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 41(3), 419-454.
- Zhao, Hao; Seibert, Scott E.; Hills, Gerald. (2005). The mediating role of self-efficacy in the development of entrepreneurial intention. *Journal of Applied Psychology*, Vol 90(6), 1265-1272.
- Zurita Mohd Saleh, (2017). Social capital influence on supply chain integration in the food processing industry in Malaysia. *Journal of International business Economics and Entrepreneurship*, 2(1), 34-44.